

TOKOH TEMPATAN AKAN JADI KETUA UMNO PAHANG

TEMERLUH, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi Perhubungan Umno Pahang tidak lama lagi dan menyerahkannya kembali kepada seorang tokoh Umno negeri.

Beliau berkata hari ini, keputusannya menyerahkan semula jawatan itu kepada 'orang Pahang' dibuat kerana Umno negeri itu kini sudah tenang dan tidak ada lagi masalah seperti dulu.

"Saya bangga kerana Umno Pahang kini tenang dan anggota-anggotanya sudah lebih matang...Bukan dulu tak matang tetapi turun jadi budak-budak," tambah beliau yang juga Presiden Umno sewaktu merasmikan mesyuarat ke-31 perwakilan Umno Bahagian Temerloh di dewan majlis daerah di sini.

Pengumuman mengejutkan itu membuat kira-kira 2,000 orang anggota serta penyokong Umno yang hadir ketawa serta bertepuk tangan.

Melihatkan ini Perdana Menteri berseloroh 'mengapa bertepuk, tidak sukakah lagi saya memimpin Umno Pahang' dan ini disambut dengan gelak ketawa sekali lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian berkata setibanya di Kuala Lumpur bahawa pengu-

muan mengenai peralihan Ketua dan Naib Ketua Perhubungan Umno Pahang akan dibuat tidak lama lagi.

Beliau enggan menyebutkan nama tokoh-tokoh yang dipilih tetapi sumber Umno negeri membayangkan kemungkinan besar Menteri Besar, Datuk Najib Tun Razak yang kini Timbalan Ketua akan dilantik memegang jawatan itu.

Jangan biarkan

"Adalah wajar Datuk Najib dilantik kerana kebanyakan hal-ehwal politik negeri termasuk soal tanah terletak bawah tanggungjawabnya," kata satu sumber lain. Sebelum itu, Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu para perwakilan, "Saya tidak tahu mana satu yang saya nak pilih."

Tetapi, tambah beliau, sudah wajar orang Pahang diberi peluang memimpin teraju politik negeri itu memandangkan 'adalah aib jika mereka terus terima orang lain memimpin mereka sekian lama'.

"Dulu orang Pahang mentadbir negara, sekarang takkanlah mereka tidak boleh bersatu padu dan memimpin Umno negeri sendiri," tambah beliau.

Beliau percaya perpaduan Umno negeri itu akan terus kekal sungguhpun mungkin

ada 'sekerat dua' yang masih tidak berpuas hati.

Beliau mengingatkan Umno negeri jangan memberi peluang jika ada ura-ura kononnya ada orang hendak memecah-belahkan perpaduan parti kerana jika dibiarkan 'penyakit kudis itu akan membesar sehingga memekangkan' politik negeri.

Beliau menekankan perlunya perpaduan Umno negeri dipertahankan kerana Pahang boleh disiatkan sebagai kubu kuat parti itu.

Datuk Seri Dr Mahathir mengambil alih jawatan Ketua Perhubungan Umno Negeri dari bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn pada 29 Ogos 1981.

Datuk Hussein Onn pula memimpin Umno Pahang dari 10 Julai 1979 hingga April 1981 berikutan krisis pimpinan politik negeri yang berlanjutan sehingga menyebabkan Menteri Besar ketika itu, Haji Rahim Abu Bakar, meletakkan jawatan. Haji Rahim memangku jawatan Pengerusi Perhubungan Umno Pahang dari tahun 1978 hingga 1980.

Umno Pahang memang mempunyai tradisi dipimpin oleh Perdana Menteri sejak zaman Tun Abdul Razak lagi. Tokoh lain daripada Perdana Menteri yang pernah mengetuai Perhubungan Umno Negeri sehingga ini cuma bekas Menteri Undang-Undang, Datuk Seri Hamzah Abu Samah. — Bernama.



● PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melambaikan tangan kepada orang ramai setibanya di Pelabuhan Kelang semalam untuk merasmikan bangunan Umno cawangan Pelabuhan Kelang.